



Headline	Hoki SSTMI UniKL berentap di final malam esok		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	61	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	151 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,313
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,939



## Hoki: SSTMI-UniKL berentap di final malam esok

SEPERTI dijangka, pasukan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI-Thunderbolt) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL Young Guns) akan bertemu pada perlawanan akhir Kejohanan Hoki Remaja Piala Milo 2013 yang akan berlangsung di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil malam esok, lapor **NOR AZIRAN YUNUS**.

Pada perlawanan separuh akhir kedua semalam, SSTMI-Thunderbolt menewaskan pasukan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI-Anderson) 2-1, sekali gus layak ke perlawanan akhir menerusi agregat 10-1 manakala UniKL Young Guns turut tidak bermasalah melayakkan diri apabila membenam SSTMI Junior 3-0 (agregat 9-0).

Pengurus SSTMI-Thunderbolt, Adam Izamry berkata, pada perlawanan separuh akhir kedua semalam, mereka bermain tanpa sebarang tekanan dan bertindak merehatkan beberapa pemain utama bagi mengelak sebarang kecederaan untuk beraksi di perlawanan akhir.

"Bukan terlalu yakin tetapi dengan bekalan yang agak selesa semasa separuh akhir pertama (8-0), memberikan kami sedikit ruang bagi merehatkan pemain-pemain utama serta memberi peluang pemain simpanan untuk menunjukkan bakat mereka.

"Walaupun bermain dengan skuad kedua, kami berjaya mengalahkan MBI-Anderson 2-1 di Ipoh seterusnya akan bertemu UniKL Young Guns di perlawanan akhir Ahad nanti (esok)," kata Adam ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Mengulas lanjut bagi persiapan perlawanan akhir, Adam menjelaskan bahawa pasukannya sudah bersedia sekali lagi mempertahankan kejuaraan berganda musim lalu.

"Kami tidak memandang rendah cabaran UniKL Young Guns kerana mereka merupakan antara pasukan yang tampil konsisten sepanjang saingan liga musim ini dan dalam saingan liga kami hanya menang tipis 4-3 ke atas mereka.

"Saya percaya pasukan SSTMI-Thunderbolt sudah bersedia untuk perlawanan akhir itu dan kami akan memberikan aksi terbaik dalam perlawanan tersebut," kata Adam lagi.

Sementara itu, dalam aksi separuh akhir kedua semalam, gol-gol SSTMI-Thunderbolt dijangkan oleh Mohd. Hafiz Selemen pada minit keenam sebelum digandakan oleh Mohd. Shahril Saabah lima minit kemudian, menjadikan mereka selesa mengatasi MBI-Anderson 2-0.

Bagaimanapun, N. Kartigan berjaya mendapatkan gol sagu hati buat MBI-Anderson pada minit ke-43.